



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**07 november 2022  
12 Rabiulakhir 1444H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Peniaga ikan termenung, pelanggan tidak ada duit</li><li>• Harga ikan kembung terus melambung</li></ul>
<b>Berita Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harian Metro</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menyelam 9 meter kutip tiram</li></ul>
<b>Kosmo !</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Harga ikan kembung dijangka terus naik</li></ul>
<b>Sinar Harian</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>The Star</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Yearning for more development</li></ul>
<b>The Straits Time</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Nanyang Siang Pau</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysia Gazette</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Harakah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Malaysiakini</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Bernamea</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Borneo Post (KK)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Guan Ming Daily</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
<b>Sabah Media</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		34
								7.11.2022

## Peniaga ikan termenung, pelanggan tidak ada duit

**MELAKA** – Peniaga ikan di Pasar Awam di Bachang di sini resah apabila bekalan hasil laut yang diambil tidak terjual dipercayai akibat kuasa membeli pelanggan semakin rendah.

Menurut seorang peniaga, Jalal Hassan, 50, hasil jualanannya merosot sebanyak 50 peratus dengan ikan-ikan bersaiz besar seperti parang, tenggiri dan siakap sukar dijual terutama pada hari biasa.

"Orang (pelanggan) sekarang memang tak ada duit, mereka tak lagi mampu membeli ikan-ikan besar. Malah, ikan kembung segar yang dijual pada harga RM18 sekilogram juga dikatakan mahal.

"Memang susah nak laku (ikan) lagi-lagi hari biasa (Isnin sehingga Jumaat), kami cuma harap kehadiran pelanggan pada hari minggu sahaja," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Ujarnya, ikan parang yang dijual pada harga RM24 sehingga RM25 sekilogram, manakala ikan kecil seperti selar RM8 sekilogram.

Rakannya, Sulaiman Manan, 58, pula berkata, situasi itu turut dipercayai berlaku disebabkan harga ikan sejuk beku lebih murah ditawarkan di pasar raya.

"Dahulu, tak banyak pasar

raya, sekarang semua jenis ikan mereka jual pada harga murah kerana ia produk sejuk beku.

"Ikan dijual di sini adalah segar, tetapi pelanggan tak ada duit nak beli. Harga ikan bukan naik mendadak mahal, cuma memang ekonomi sekarang tidak berapa baik," katanya.

Seorang lagi peniaga, Ismail Hassan, 61, berkata, dia tidak lagi mengambil bekalan baharu daripada pembekal susulan jualan ikannya masih berbaki.

"Hari ni saya jual ikan semalam sahaja, tak berani nak ambil bekalan takut tak laku," katanya.



**CULAIMAN** memeriksa bekalan ikan digerainya sambil menanti pelanggan di Pasar Awam Bachang, Melaka semalam.

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		34	7/11/2022



**MOHD. Shamil Zulkifli menunjukkan saiz ikan kembung yang berharga RM15 sekilogram yang dijual di pasar pagi Tikam Batu, Sungai Petani, Kedah. - UTUSAN/NUR SYAZWANA MANSOR**

## Harga ikan kembung terus melambung

utusan malaysia ms24 tkb

**SUNGAIPETANI:** Harga ikan kembung di daerah Kuala Muda dijangka melonjak sehingga mencecah RM18 sekilogram (kg) berikutan kekurangan bekalan akibat keadaan cuaca tidak menentu sejak bulan lalu.

Tinjauan di sekitar pasar pagi Tikam Batu di sini, mendapati masih terdapat bekalan ikan kembung segar bersaiz kecil iaitu gred B dan C yang dijual dengan harga sekitar RM15 hingga RM16 sekilogram.

Peniaga yang juga pemilik Jon Ikan di Tikam Batu, Mohd. Shamil Zulkifli, 27, berkata, secara purata bekalan ikan kembung segar yang diperolehnya turun sebanyak 40 peratus sejak awal bulan ini.

Katanya, selain ikan kembung, hasil laut lain yang turut mengalami peningkatan harga adalah ikan jenahak.

“Harga ikan jenahak hari ini naik dari RM38 kepada RM40 sekilogram. Namun bekalan sotong meningkat sekali gus mengalami penurunan harga daripada RM34 kepada sehingga RM29 sekilogram,” katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, cuaca di sekitar kawasan pantai barat dijangka kembali pulih dalam masa dua hingga tiga minggu lagi dan nelayan akan dapat kembali ke laut seperti biasa.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	NEUTRAL	16	7/11/2022



**KEKURANGAN** bekalan ikan kembung menyebabkan pelanggan terpaksa memilih ikan lain di Kuala Muda, Sungai Petani semalam.

# Harga ikan kembung <sup>KOSMO 16 766</sup> dijangka terus naik

Oleh **NUR SYAZWANA MANSOR**

**SUNGAI PETANI** – Harga ikan kembung di daerah Kuala Muda dijangka melonjak sehingga RM18 sekilogram (kg) berikutan kekurangan bekalan hasil laut itu disebabkan keadaan cuaca tidak menentu sejak bulan lalu.

Tinjauan di sekitar pasar pagi di Tikam Batu, dekat sini mendapati, masih terdapat bekalan ikan kembung segar bersaiz kecil iaitu gred B dan C yang dijual pada harga antara RM15 hingga RM16 sekilogram.

Peniaga yang juga pemilik premis Jon Ikan di Tikam Batu, Mohd. Shamil Zulkifli, 27, berkata,

secara purata, bekalan ikan kembung segar diperolehnya turun 40 peratus sejak awal bulan ini.

Katanya, selain kembung, hasil laut lain yang turut mengalami peningkatan harga, ialah ikan jenahak.

“Harga jenahak naik dari RM38 kepada RM40 sekilogram,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, pihaknya menjangkakan cuaca di Pantai Barat akan kembali pulih dalam dua hingga tiga minggu lagi dan nelayan akan dapat kembali ke laut seperti biasa.

Katanya, nelayan pantai teru-

tamanya, berdepan masalah pengurangan hasil ikan susulan musim peralihan monsun itu.

“Sebelum ini, nelayan pantai boleh dapat hasil hingga satu tan ikan sehari termasuk kembung.

“Ada antara nelayan kini yang peroleh hasil sekitar 20 hingga 30 kilogram sahaja. Mereka terpaksa juga mengira kos operasi. Disebabkan itu, harga ikan meningkat pada masa ini,” katanya.

Jelasnya, Nekmat masih mempunyai stok ikan sejuk beku kira-kira 100 tan.

“Stok ikan sejuk beku di bawah program Q’Fish dijual pada harga RM10 sekilogram bagi ikan selar, kembung dan selayang,” ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	21	7.11.2021

# Menyelam 9 meter kutip tiram

Nelayan guna kaedah tradisional selam tanpa alat pernafasan tuai hasil dari dasar Sungai Muar

*Zhb metru ms 21*

**Auar**

Apabila melangkah ke daerah ini pastinya akan menjelajahi keunikan tersendiri yang terdapat di Bandar Maharani Bandar Diraja itu termasuk mi bandung, sate, asam pedas dan hidangan hasil laut seperti tiram.

Tiram yang terdapat di Sungai Muar dipercayai sebagai antara herkaliti tertinggi di dunia, dan nelayan yang menuai hasil di dasar sungai itu masih menggunakan kaedah dan teknik tradisional iaitu menyelam tanpa sebarang peralatan pernafasan.

Seorang penyelam tiram, Zainal Yahya, 68, berkata aktiviti menyelam dan mengutip tiram di Sungai Muar dekat Pangkalan Tiram, kira-kira dua kilometer dari bandar Muar, telah mula dilakukan para nelayan sekitar tahun 1858.

Generasi ketiga selam tiram itu berkata pada tahun 1908, Allahyarham datuknya 'ep Pantas mula menjadikan aktiviti menyelam dan mengutip tiram di dasar sungai sedalam antara enam atau sembilan meter sebagai sumber utama pendapatan bagi menanggung keluarga.

"Ketika kanak-kanak, saya agum melihat bapa melakukan aktiviti mencabar ini dengan menahan nafas, meba menggunakan tangan osong kerana tahap pengetahuan sangat terhadap berurusan dasar sungai yang berampur, dan saya mencabari akan melakukan perkara sama suatu hari nanti," katanya ketika ditemui bersama di Pangkalan Tiram di sini.



ZAINAL mengopek tiram untuk dijual kepada pembeli di Pangkalan Tiram, Sungai Muar.

Di samping itu, menurut Zainal, ketika berumur 12 tahun dia mula mengikut bapanya, Allahyarham Yahya 'ep ke sungai selain diajar menyelam dengan menahan nafas antara satu hingga dua minit di dasar sungai semasa air surut, dan kini kaedah sama juga telah diajarkan kepada anak lelakinya, Azmi Zainal, 36, yang turut berminat melakukan aktiviti itu.

Katanya, kayu lenggadai



sepanjang 10 meter digunakan untuk aktiviti berkenaan dengan memacakkannya ke dasar sungai di sebelah perahu dan penyelam akan turun menyelam mengikut kayu itu, dan mengambil tiram di dasar sungai menggunakan tangan, manakala kaki kekal berpaut pada kayu bagi mengelak daripada dihanyutkan arus.

"Saya akan meneruskan legasi menyelam tiram ini selagi ada hayat kerana ia adalah aktiviti dari generasi ke generasi dengan menggunakan teknik unik. Suatu ketika dahulu terdapat hampir 50 penyelam tiram di Pangkalan Tiram namun kini hanya tinggal lapan orang yang aktif berusia antara 24

dan 69 tahun.

"Menjadi penyelam tiram bukan sesuatu yang mudah kerana setiap penyelam memerlukan banyak tenaga untuk bertahan mengutip tiram di dasar sungai. Kadangkala tekanan dan arus kuat boleh menyebabkan telinga atau hidung berdarah dan inilah antara cabarannya," katanya.

Selain itu, katanya, penyelam tiram juga terpaksa berhadapan dengan hidupan berisiko seperti obor-obor dan sengatan ikan berdurian selain cengkerang tiram dan kupang di dasar sungai yang boleh melukakan jika terpijak.

Zainal berkata terdapat dua jenis tiram yang ditemui di Sungai Muar iaitu isi yang berwarna kelabu coklat, dan putih krim dengan memiliki rasa yang enak selain mendapat permintaan yang tinggi termasuk individu, restoran, hotel dan dieksport ke Singapura.

"Pengalaman yang tidak saya lupakan adalah terpilih untuk mencari tiram di Sungai Muar di belakang Istana Hinggap Muar, Jalan Petri bagi hidangan santapan golongan diraja sekitar tahun 1967, saya teruja, seronok dan dianggarkan enam kilogram tiram siap dikopek kulit telah dihantar ke istana berkenaan," katanya sambil menambah isi tiram segar ketika ini dijual dengan harga sekitar RM50 sekilogram.

Laporan itu dipetik memaklumkan spesies baharu itu dikenali sebagai tiram putih atau tiram premium dalam kalangan penduduk, dan nelayan tempatan kerana isinya yang berwarna putih krim dan berkualiti tinggi.



AINI Mohd Noh, 53, antara penyelam tiram veteran menunjukkan hasil kutipan tiram dengan taupa menggunakan sebarang alat bantuan pernafasan.



TIRAM yang terdapat di Sungai Muar dipercayai antara berkualiti tinggi di dunia.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	10	7.11.2022

# GE15

## YOUR VOTE COUNTS

Polling: Nov 19

By VENESA DEVI  
venesa@thestar.com.my

SEGAMAT is known as an agricultural area that is famous for its fruits, especially durian.

According to local folklore, Segamat got its name from Malay words "segar amat" which means very refreshing.

It was said that a Malay Bendahara, who was retreating to the area following the fall of Melaka to the Portuguese, had exclaimed "segar amat" after drinking water from a river.

The river was later named Segar Amat and later Segamat. This later became the name of the whole area along the river.

Apart from fruit cultivation, Segamat's economy is also highly dependent on oil palm and rubber plantations.

The district often makes headlines for floods, with the worst in 2006 where thousands were affected.

Farmer Mohd Fahizan Ramlan, 43, said the flood problem in the district must be solved so that the people would not have to live in fear of another disaster.

"The 2006 flood was the worst I have ever experienced in my life. My family and I had to climb up the roof as we waited for help to arrive. It was a terrifying experience.

"We are hit by floods almost every year and sometimes a couple of times a year.

"It happens so often that most of the people in my village and other flood-prone areas have renovated their homes to be better equipped to face the floods.

"Some have added another floor, others added storage compartments on their ceilings and almost all of these homes have scaffolding installed to place essentials items," said Mohd Fahizan, who lives in Kampung Jawa.

As a contingency plan, his family will move to another house he owns during the rainy season to avoid being caught in floods.

"I built another house and turned it into a homestay for some side income."

"That is also the house my family and I will move into during the flood season as it is located on higher ground."

"The moment we see rain falling heavily and continuously, we will pack our bags and move to the other house."

"Sometimes it floods, sometimes it does not but that is the drill. It is exhausting but what choice do we have?" he asked.

The father of four also pointed out that weak Internet connection was also a major problem.

"There is no Internet connection in my house. We need to go outside just to get a signal."

"This became a major problem during the movement control order as my children had to attend online classes outside the house," he said.

Y. Sasidaran, 26, who works as a clerk in an estate, said he hopes to see better roads and more development in Segamat.

"The roads here are marked with potholes and there are a lot of

# Yearning for more development

## Segamat folk want flooding addressed, infrastructure improvements and more govt medical specialists

**JOHOR**

**Parliamentary seat**

**P140 SEGAMAT**

**2018**

Datuk Seri Dr Edmund	24,060
Santhara Kumar (PH-PKR)	
Datuk Seri Dr S.	18,584
Subramaniam (BN-MIC)	
Khairul Faizi Ahmad Kamil	2,676
Majority	5,478
Spill votes	726
Voter turnout	81.88%
Registered voters	55,350

**2022**

Tan Sri M. Ramasamy (BN-MIC)	
R. Yunuswaran (PH-PKR)	
P. Poobalan (PN-Bersatu's associate wing)	
Syed Hairul Faizy Syed Ali (GTA-Pejuang)	
Total voters	70,679

Source: Election Commission (EC) of Malaysia, The Star Online

The Star graphics



Segamat is said to be named after the river Segar Amat — Filepic

faulty streetlights and traffic lights.

"It can be very dangerous to drive at night, especially for those not familiar with the roads and motorcycles."

"I really hope whoever wins in Segamat will push for better roads. It is not enough to just patch up potholes, the roads here need to be upgraded," he said.

While Gaidaran enjoys the laid-back life in the quiet town, he also hopes that there would be more malls, fast-food chains and places of interest.

"There is not much to do here. I like the slow pace of life but if we want youths to remain in Segamat, we need to have more activities," he said.

Credit risk underwriter Chan Weng Yeap, 27, said there should be more medical specialists in the government hospital.

"There are not enough specialists in Segamat so people have to travel to Johor Baru, Muar or Melaka to seek treatment as not everyone can afford to go to private healthcare facilities," he said.

Chan, who works in Singapore, is hoping the Gemas-Johor Baru Electrified Double-Tracking Project is completed soon.

"We have to travel to Gemas to

use the Electric Train Service (ETS) to get to Kuala Lumpur."

"It is quite a hassle as we need to take the old slower train to Gemas and transit here to get on the ETS."

"I hope that the double-track project can be completed soon as it will help spur the local economy," he said.

Segamat has slightly more than 70,000 registered voters.

The Segamat parliamentary seat is set to see a four-cornered fight between Tan Sri M. Ramasamy (Barisan Nasional-MIC), R. Yunuswaran (Pakatan Harapan-PKR), Perikatan Nasional-Bersatu associate wing's P. Poobalan and Gerakan (Panah) Air-Pejuang's Syed Hairul Faizy Syed Ali in the 15th General Election (GE15).

In GE14, Datuk Seri Dr Edmund Santhara Kumar, who was then in PKR, won the seat with a 5,478 majority against MIC's Datuk Seri Dr S. Subramaniam and PAS' Khairul Faizi Ahmad Kamil.

Santhara was among a group of MPs who left PKR in 2020 following the Sherraton Move.

He later joined Bersatu and was made the head of the party's associate wing.

Last month, the former tourism, arts and culture deputy minister,



Chan says there should be more specialists in the Segamat government hospital



Sasidaran hopes to see better roads and more development in Segamat



Mohd Fahizan says the flooding problem in Segamat must be resolved

joined Parti Bangsa Malaysia (PBM), shortly after resigning his position as the head of Bersatu's associate wing.

PBM had earlier announced that Santhara will be defending his seat but he later dropped out from contesting in GE15.